

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2019

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Ogos 2019

1¼ jam

3756/1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

- 1 Manakah badan profesional yang ditubuhkan untuk memajukan profesion perakaunan melalui latihan dan peperiksaan?

A

MASB

B



C



D



- 2 Antara berikut, manakah komponen kos jualan bagi Klinik Pergigian Zahirah?

- I Inventori awal
- II Caj rawatan
- III Belian ubat
- IV Perolehan

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 3 Janna Trading menetapkan peratus yang sama untuk mengira susut nilai kenderaan bagi membolehkan perbandingan prestasi dari setahun ke setahun dapat dilakukan secara adil.

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Usaha berterusan
- D Tempoh perakaunan

- 4 Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri sebuah aset.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Bersifat tidak tahan lama• Mempunyai tahap kecairan yang tinggi• Tempoh penggunaan kurang daripada setahun |
|--|

Aset manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

- A Perabot
- B Kenderaan
- C Alatan pejabat
- D Simpanan tetap

5 Apakah hasil yang tidak melibatkan penerimaan wang?

- A Sewa diterima
- B Komisen diterima
- C Faedah atas simpanan
- D Untung atas pelupusan aset

6 Perniagaan Kenderaan Terpakai Ahmad menjual sebuah van bernilai RM45 000 pada harga RM54 000 kepada Encik Sazly secara kredit.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Inventori (RM)	Akaun Belum Terima (RM)	Untung bersih (RM)
A	45 000	54 000	9 000
B	45 000	(54 000)	9 000
C	(45 000)	54 000	9 000
D	(45 000)	(54 000)	(9 000)

7 Kedai Kasut Syafiq mempunyai carta akaun seperti berikut:

Nama Akaun	Kod Item
Aset	1000 - 1999
Liabiliti	2000 - 2999
Ekuiti pemilik	3000 - 3999
Belanja	4000 - 4999
Hasil	5000 - 5999
Kontra	6000 - 6999

Apakah kod item yang sesuai bagi pulangan keluar?

- A 1100
- B 3100
- C 4100
- D 6100

8 Puan Aida telah menerima sekeping dokumen daripada pihak bank untuk memaklumkan bahawa baki akaunnya telah berkurang.

Apakah dokumen yang diterima oleh Puan Aida?

- A Makluman kredit
- B Makluman debit
- C Nota debit
- D Slip bank

9 Antara berikut, manakah merupakan Buku Catatan Pertama?

- I Jurnal
- II Lejar Am
- III Imbangan Duga
- IV Buku Tunai Runcit

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 **Dokumen 1** dikeluarkan oleh Kedai Peralatan Memancing Zairi.

SALINAN	INVOIS Kedai Peralatan Memancing Zairi 15 Jalan Selasih, 41000 Klang, Selangor Tel.:03-33711774	INV 4432		
		Tarikh: 10 April 2019		
Kepada: Puan Azizah				
Bil.	Butir	Unit	Harga (RM)	Jumlah (RM)
1	Meja terpakai	2	500.00	1 000.00
				1 000.00
<i>Tolak:</i> Diskaun niaga				-
Jumlah				1 000.00
 (Ringgit Malaysia: Satu ribu sahaja) Syarat: 5% 7 hari, 2% 15 hari K. & K. di K <i>Azizah</i> Penerima				
 <i>Zairi</i> Pengurus				

Dokumen 1

Apakah Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Kedai Peralatan Memancing Zairi untuk merekod dokumen di atas?

- A Jurnal Am
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Jualan
- D Jurnal Penerimaan Tunai

- 11 **Dokumen 2** merupakan keratan cek yang diperoleh daripada Perniagaan Malissa.

Tarikh	: 8 Ogos 2019	
Penerima	: Malissa binti Masri	
Tujuan	: Kegunaan perniagaan	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	18 000	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	18 000	00
Cek ini	2 000	00
Baki	16 000	00
MBB122345		

Dokumen 2

Manakah catatan yang betul dalam Buku Tunai Perniagaan Malissa?

	Debit	Kredit
A	Bank RM2 000	Tunai RM2 000
B	Tunai RM2 000	Bank RM2 000
C	Bank RM18 000	Tunai RM18 000
D	Tunai RM18 000	Bank RM18 000

- 12 Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Kedai Percetakan Ammar.

Buku Tunai Runcit

Tarikh	Butir	Fol.	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Bayaran	
					Pos	Belanja Pejabat
2019 Mac 1	Baki b/b Bank		RM 50 150	RM	RM	RM
7	Upah mencuci pejabat			60		60
16	Minuman pelanggan			15		15
20	Surat berdaftar			37	37	
			200	112	37	75
31	Baki h/b			88		
			200	200		

Berapakah bayaran balik yang diterima daripada ketua juruwang mengikut Sistem Panjar pada 1 April 2019?

- A RM88
- B RM112
- C RM150
- D RM200

13 Apakah fungsi Lejar Akaun Belum Bayar?

- A Merekod belian barang niaga secara tunai
- B Merekod jualan barang niaga secara tunai
- C Merekod belian barang niaga secara kredit
- D Merekod jualan barang niaga secara kredit

14 Jadual di bawah menunjukkan catatan bergu bagi beberapa urus niaga:

	Urus Niaga	Catatan Bergu	
		Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
I	Ambilan barang niaga untuk didermakan kepada rumah anak yatim	Ambilan	Belian
II	Belian alatan pejabat dibayar dengan cek	Alatan pejabat	Bank
III	Jualan tunai barang niaga	Jualan	Tunai
IV	Hutang Akaun Belum Terima diisytihar sebagai hutang lapuk	Hutang lapuk	Akaun Belum Terima

Urus niaga yang manakah mempunyai catatan bergu yang betul?

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

15 Berikut ialah maklumat yang diperolehi daripada Indra Trading.

2019	RM
Jan 1 Baki awal Akaun Belum Terima	2 400
31 Penerimaan dari Akaun Belum Terima	16 700
Diskaun diberi	320
Pulangan keluar	240
Hutang lapuk	160
Peruntukan hutang ragu	350
Pindahan dari Lejar Jualan ke Lejar Belian	200
Baki akhir Akaun Belum Terima	12 000

Berapakah jualan kredit Indra Trading?

- A RM26 980
- B RM27 570
- C RM27 330
- D RM27 220

- 16 Maklumat berikut merupakan baki-baki akaun yang diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Runcit Kaka pada 31 Mac 2019.

	RM
Premis	15 000
Bank	(1 250)
Tunai	3 000
Jualan	15 000
Belian	13 500
Pulangan masuk	230
Pulangan keluar	340
Faedah atas simpanan	700
Kadar bayaran	900
Ambilan	400
Akaun Belum Terima	7 000
Akaun Belum Bayar	6 300
Modal	?

Berapakah jumlah modal untuk mendapatkan Imbangan Duga yang seimbang?

- A RM16 440
- B RM17 840
- C RM18 060
- D RM20 340

- 17 Maklumat berikut diperoleh daripada Sina Trading.

	RM
Inventori awal	7 800
Inventori akhir	9 800
Jualan	38 000
Belian	23 000
Angkutan keluar	560
Pulangan belian	230
Insurans atas Belian	780
Upah	450
Gaji	1 500

Berapakah kos jualan?

- A RM19 940
- B RM20 770
- C RM21 550
- D RM22 000

18 Berikut ialah baki-baki yang diperolehi daripada buku Perniagaan Razi pada 31 Ogos 2019.

	RM
Premis	25 000
Inventori	6 800
Lengkapan	2 300
Bank	1 500 (kt)
Akaun Belum Terima	4 100
Tunai	1 200
Pinjaman (matang pada 31 Disember 2022)	12 000
Akaun Belum Bayar	3 100

Berdasarkan maklumat di atas, berapakah modal kerja?

- A RM7 500
- B RM10 500
- C RM22 800
- D RM25 800

19 Berikut merupakan maklumat yang diperolehi daripada buku Perniagaan Tabari.

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2019		RM
Mei 12	Pembekal Jamari	2 000
25	Syarikat Farhan	2 500
31	Akaun Belian (Dt)	4 500

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

2019	Butir	RM
Mei 7	Belian	7 870

Berapakah nilai belian yang akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan?

- A RM3 370
- B RM4 500
- C RM7 870
- D RM12 370

- 20 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Dahlia Enterprise.

	1 Februari 2018	31 Januari 2019
	RM	RM
Komisen belum terperoleh	250	300
Komisen belum terima	120	240

Buku Tunai (ruangan Bank)

	RM
Komisen diterima	3 250

Berapakah komisen diterima yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi pada 31 Januari 2019?

- A RM3 080
 - B RM3 180
 - C RM3 320
 - D RM3 420
- 21 Apakah yang dimaksudkan dengan hutang lapuk terpulih?
- A Hutang Akaun Belum Terima yang dianggarkan dapat dikutip semula
 - B Hutang Akaun Belum Terima yang dihapuskan kerana telah meninggal dunia
 - C Hutang Akaun Belum Terima yang dianggarkan tidak dapat dikutip dalam tempoh perakaunan
 - D Hutang Akaun Belum Terima yang telah diterima semula setelah dihapuskan sebagai hutang lapuk
- 22 Formula untuk mengira susut nilai aset bukan semasa yang digunakan oleh Perniagaan Abu ialah

$$\text{Susut Nilai} = (\text{Nilai Kos} - \text{Susut Nilai Terkumpul}) \times \text{Peratus Susut Nilai} \times \text{Tempoh}$$

Apakah kaedah susut nilai yang digunakan oleh Perniagaan Abu?

- A Penilaian Semula
 - B Baki Berkurangan
 - C Ansuran Tetap
 - D Garis Lurus
- 23 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Mesra Alam pada 31 Disember 2018.

	RM
Kenderaan (kos)	75 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	22 500